

# Hanya Dr. Mahathir layak pimpin negara

Oleh AZRAN FITRI RAHIM  
pengarang@utusan.com.my

■ KOTA BHARU 31 JULAI

**K**ERAJAAN Pakatan Harapan (PH) akan berkecamuk sekiranya Tun Dr. Mahathir Mohamad melepaskan jawatannya sebelum habis penggal ini kerana hanya beliau sahaja yang mampu mengawal pentadbiran negara.



**MOHD AMAR NIK ABDULLAH**

Naib Presiden Pas, Datuk Mohd Amar Nik Abdullah berkata, PH tidak mempunyai tokoh yang kuat untuk memimpin negara selain daripada Dr. Mahathir.

Beliau berkata, kegagalan mengawal pentadbiran akan memberikan kesan yang amat besar kepada kestabilan negara dan menyebabkan rakyat akan



terus merana.

"Pas sendiri melihat beberapa aspek dan gabungan PH ini lebih bersifat longgar, jadi dia kena ada ketua yang kuat. Kita nampak sekarang ini ketua yang kuatnya adalah Tun, dengan pengalamannya, sikap dia, kita semua pun tahu.

"Pada pandangan kita, hanya dia sahaja yang boleh mengawal dan memastikan kestabilan kerajaan, orang lain mungkin akan menyebabkan akan ber-

laku kerajaan tidak stabil dan beri kesan kepada politik dan ekonomi. Kita bukan sengaja nak sokong," katanya kepada pemberita selepas mesyuarat Exco Kerajaan Pas Kelantan di Kompleks Kota Darulnaim di sini hari ini.

Presiden Pas, Datuk Seri Abdul Hadi Awang sebelum ini menyatakan sokongan parti itu kepada Dr. Mahathir untuk kekal menerajui negara.